



كمنترين سومبر ٢ اوتام دان قلنچوغن

**MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM
BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL TAHUN 1439H/ 2017M
13 DISEMBER 2017**



**SIARAN AKHBAR
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL TAHUN 1439H/ 2017M

1. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada petang Rabu, 13 Disember 2017 telah mengadakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam bagi Tahun 1439 Hijrah/ 2017 Masehi, bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.
2. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Majlis turut dihadiri oleh Yang Mulia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Setiausaha Tetap, Yang Mulia Awang Wardi bin Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian serta pegawai dan kakitangan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kira-kira 150 pegawai dan kakitangan warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan & bahagian-bahagian di bawahnya telah menghadiri Majlis tersebut.
3. Acara tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diikuti dengan satu ceramah khas bertajuk "Rasullullah S.AW. Penggerak Ekonomi Ummah Melalui Takwa" yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Ustaz Dr Andas Hj Ismuhadi bin Haji Abdullah. Majlis juga diserikan dengan satu persembahan Dikir Marhaban daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.
4. Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan dan adalah merupakan aktiviti tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam sama-sama memperingati hari kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad Sallahu Allaihi Wasallam dan menyemarakkan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Islam.

-SEKIAN-